

07/07/2001

PM hadir konsert keputeraan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini, menghadiri Malam Konsert Amal Antarabangsa sempena hari keputeraan Sultan Kedah.

Konsert sempena hari keputeraan baginda ke-73 anjuran Yayasan Sultanah Bahiyah, bertujuan mengutip derma bagi membantu badan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang memerlukan.

Turut hadir, Sultan dan Sultanah Kedah, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Yayasan itu yang ditubuhkan pada 1996, menganjurkan pelbagai kegiatan untuk membantu rakyat selaras usaha kerajaan mewujudkan masyarakat penyayang.

(END)